



**TAHNIAH:** Kasim menyampaikan sijil Anugerah Naib Canselor kepada salah seorang pelajar.

## UMS komited martabat bidang sains dan teknologi

**UB 31.10.2023 P.06**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited memartabatkan bidang sains dan teknologi melalui pelbagai inisiatif, selari kehendak kerajaan dalam memperkasakan kemahiran untuk mendepani Revolusi Industri 4.0.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, kerajaan sentiasa meneruskan komitmennya untuk memajukan bidang sains dan teknologi negara dengan menyediakan pelbagai dana penyelidikan dan pembangunan.

"Justeru, pelbagai program dianjurkan yang lebih berfokuskan kepada mendepani cabaran dan transformasi IR4.0 seperti Karnival Sains, Minggu Sains Negara dan World Space Week di peringkat UMS.

"Ini dengan harapan mampu memupuk minat pelajar dalam bidang berkaitan sains dan teknologi, selain mahu menarik minat masyarakat luar, khususnya pelajar sekolah yang bakal menjadi pelajar universiti sama ada di UMS maupun di universiti serata Malaysia," katanya.

Kasim berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Majlis Graduasi Asasi UMS Kali Ke-11 di Dewan Resital, UMS kelmarin.

Beliau juga percaya melalui

penambahan graduan jurusan sains dan teknologi daripada Asasi Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) UMS, aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju yang menekankan usaha ke arah melahirkan masyarakat berliterasi serta membudayakan sains dalam setiap dimensi kehidupan akan mampu tercapai.

AYSIA SABAH  
"Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pelajar terus menanam minat terhadap bidang sains dan teknologi serta bertekad menjadi sebahagian nadi penggerak ke arah mencapai matlamat negara.

"Buktikan kepada dunia bahawa pelajar juga merupakan antara penyumbang kepada kemajuan bidang sains dan teknologi.

"Teruskanlah menyemai cita-cita murni, berusaha lebih keras, tanpa mengira penat lelah demi memastikan kejayaan terus dikecapi," katanya.

Pada majlis itu, Kasim menyempurnakan penganugerahan Sijil Asasi Sains kepada 304 pelajar dan Sijil Asasi Teknologi Maklumat kepada 49 pelajar.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof dan Pengarah PPST UMS, ChM. Dr. Newati Wid.